

BAB KELIMA

KESIMPULAN

5.0 PENDAHULUAN

Kajian ini mempunyai empat objektif utama iaitu:-

- a. Membuat analisa secara sampel sekolah yang mengadakan program pengajian komputer kepada para pelajar.
- b. Mengkaji faktor pendorong dan penghalang kepada kewujudan program pengajian komputer di sekolah-sekolah Menengah di Negeri Kelantan.
- c. Mengkaji keperluan penggunaan komputer di kalangan pelajar sebagai alat bantu dalam pembelajaran mereka.
- d. Mengkaji tahap kesedaran ibu bapa, guru-guru dan para pelajar di peringkat sekolah menengah di Negeri Kelantan berkenaan dengan kepentingan penggunaan komputer dalam pembelajaran mereka.

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, lima persoalan utama bagi kajian ini telah dibentuk. Persoalan kajian ini seterusnya digunakan bagi melaksanakan kajian, di mana data-data empirikal telah dikumpul dan dianalisa untuk menjawab persoalan-persoalan yang menjadi tajuk utama kepada kajian ini.

Beberapa persoalan utama berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah:-

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar menggunakan komputer di sekolah?
2. Apakah program pengajian komputer dilaksanakan di sekolah?
3. Apakah perisian komputer yang diajarkan di sekolah?
4. Apakah faktor-faktor yang mendorong dan menghalang sesetengah sekolah di Negeri Kelantan lambat mewujudkan pengajian komputer atau kelab komputer?
5. Sejauhmanakah pengetahuan pelajar sendiri terhadap penggunaan komputer?
 - 5.1. Adakah pelajar memerlukan komputer dalam pembelajaran mereka?

Manakala seramai 200 orang pelajar daripada 10 buah sekolah di Negeri Kelantan telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Daripada jumlah ini kesemua responden memberi kerjasama yang baik dan kesemua 200 borang soal-selidik yang diedarkan telah dapat dianalisa.

5.1 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Daripada data-data yang telah diperolehi melalui kajian ini secara keseluruhannya penulis membuat andaian bahawa program pengajian komputer di sekolah-sekolah menengah di Negeri Kelantan telah mencapai tahap yang hampir menyeluruh. Ini berdasarkan kepada jumlah sebanyak 70% daripada sekolah yang telah dijadikan sampel

kajian telah pun mempunyai program pengajian komputer. Manakala terdapat 30% sekolah sahaja yang masih belum mempunyai kelab komputer. Walau bagaimanapun daripada hasilan yang diperolehi oleh penulis melalui borang soal-selidik dan temubual mendapati bahawa sekolah-sekolah tersebut juga dalam proses mengadakan kelab pengajian komputer kepada para pelajar.

Daripada kajian ini juga, penulis mendapati bahawa tidak wujud konsep diskriminasi oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam penyediaan komputer kepada sekolah-sekolah di Negeri Kelantan sama ada yang terletak bandar dan luar bandar maupun pinggir bandar. Ini terbukti daripada kajian penulis menunjukkan bahawa terdapat sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar Negeri Kelantan seperti Sekolah Menengah Ayer Lanas yang telah pun mempunyai kelas pengajian komputer atau kelab komputer lebih awal berbanding dengan sekolah-sekolah lain yang terletak di pinggir bandar seperti Sekolah Menengah Wakaf Baru, Sekolah Menengah Alor Pasir dan seumpamanya.

Lanjutan daripada hasilan yang didapati oleh penulis menerusi kaedah temubual bersama Encik Ariffin Said, Pegawai Bahagian Sekolah Menengah di Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah / Machang / Jeli bahawa terdapat faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan sekolah-sekolah di Negeri Kelantan telah tidak serata di dalam mewujudkan pengajian komputer di sekolah masing-masing. Faktor-faktor tersebut ialah seperti faktor

pentadbiran sekolah, faktor peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), faktor lokasi yang jauh daripada kawasan bandar dan sebagainya.

i. Faktor Pentadbiran Sekolah

Faktor pertama mengikut hasil kajian penulis melalui analisa ke atas sekolah-sekolah yang dijadikan sampel kajian ialah faktor pentadbiran sekolah. Ini adalah kerana program pengajian komputer yang telah dilaksanakan di kebanyakkan sekolah-sekolah di Negeri Kelantan adalah bergantung kepada inisiatif sekolah kecuali yang terlibat terus dengan projek literasi komputer oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini termasuklah mengadakan usaha-usaha yang agak agresif seperti membuat permohonan dan susulan kepada Jabatan Pendidikan Kelantan dan Kementerian Pendidikan Malaysia, merayu kepada PIBG sekolah supaya memberikan derma dan sumbangan, pihak swasta dan juga orang perseorangan bagi melaksanakan dan menjayakan program pengajian komputer.

Sebagai contoh, mengikut kenyataan daripada Pengetua Sekolah Menengah Jeli iaitu Tuan Haji Razali Mamat semasa temubual penulis dengannya pada sesi lawatan yang lepas mengatakan bahawa sekolah tersebut terletak di kawasan luar bandar dan program pengajian komputer yang akan diadakan di sekolah itu pada awal tahun 1998 adalah atas inisiatif pihak pentadbir sekolah yang begitu bersungguh-sungguh mencari peruntukan dan sumbangan daripada agensi kerajaan maupun swasta.

Manakala terdapat juga segelintir sekolah di kawasan pinggir dan luar bandar yang lain tetapi bilangannya agak kecil masih belum mewujudkan program pengajian komputer atau kelab komputer sedangkan mereka juga mempunyai peluang yang sama untuk mencari sumbangan-sumbangan tanpa mengharapkan bantuan sepenuhnya dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN).

ii. Faktor Peruntukan

Hasilan yang telah disimpulkan oleh penulis menghuraikan terdapat peruntukan peruntukan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membekalkan komputer-komputer di sekolah Negeri Kelantan melalui saluran Jabatan Pendidikan Kelantan seperti yang telah dibincangkan dalam bab IV.

Namun begitu peruntukan tersebut adalah terhad dan pihak Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN) dengan mandat bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terpaksa memilih kategori sekolah-sekolah yang berkelayakan sahaja untuk diadakan program pengajian komputer. Oleh yang demikian terdapat banyak buah sekolah yang tidak termasuk di dalam pemilihan untuk mengadakan pengajian kelas komputer dan diberikan kemudian. Ini termasuklah tiga buah sekolah yang menjadi sampel kajian penulis

iii. Faktor Jauh Dari Bandar

Faktor seterusnya adalah faktor lokasi sekolah yang terletak di kawasan yang agak jauh dari bandar dan susah untuk dihubungi. Ini menyebabkan sekolah tersebut agak lambat mendapat pendedahan ke arah kepentingan penggunaan komputer terutamanya kepada golongan pelajar.

Walau bagaimanapun keadaan ini bukanlah suatu diskriminasi oleh Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tetapi disebabkan oleh faktor jarak yang jauh ini, telah tidak memungkinkan program pengajian komputer dapat diwujudkan serentak dengan sekolah-sekolah yang mempunyai jarak yang hampir dengan kawasan bandar.

5.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya pelbagai faktor yang mempengaruhi kewujudan program pengajian komputer di sekolah-sekolah menengah di Negeri Kelantan yang merangkumi faktor dalam dan luaran sekolah-sekolah berkenaan. Manakala mengikut pandangan penulis sendiri faktor-faktor tersebut memainkan peranan yang penting untuk menjayakan program pengajian komputer atau kelab komputer di sekolah-sekolah.

Manakala dari aspek minat para pelajar di Negeri Kelantan menggunakan komputer, secara keseluruhannya penulis mendapati mungkin faktor-faktor yang berikut sedikit sebanyak telah mempengaruhi minat pelajar sama ada mendorong atau menghalang minat mereka dalam mempelajari komputer adalah seperti berikut:-

- a) Penginapan pelajar semasa persekolahan
- b) Jarak antara rumah pelajar dengan sekolah
- c) Kewujudan kelab komputer dan kemudahan komputer yang disediakan di sekolah
- d) Keahlian dan kehadiran pelajar di dalam kelab komputer
- e) Yuran kelab komputer
- f) Kecekapan bahasa Inggeris dan Matematik dalam mempelajari komputer
- g) Galakan Ibu bapa
- h) Kemudahan Komputer di rumah
- i) Galakan Guru

Pada peringkat awalnya komputer-komputer telah dibekalkan di sekolah-sekolah menengah di Kelantan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) secara berperingkat-peringkat dalam jumlah yang agak kecil. Manakala setelah kerajaan melancarkan kempen kepentingan teknologi komputer dalam pendidikan seperti projek rintis literasi komputer oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara pada tahun 1985 selaras dengan itu jumlah komputer juga turut ditambahkan di sekolah-sekolah menengah di Negeri Kelantan di samping mempergiatkan usaha ke arah mewujudkan dan merealisasikan kelab komputer.

Namun begitu jika ditinjau dari aspek perlaksanaan program pengajian komputer di sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian penulis pada keseluruhannya adalah pada tahap yang tidak begitu memuaskan. Ini dapat dilihat daripada tindakbalas yang diperolehi oleh penulis melalui jawapan soal-selidik yang mendapati bahawa kemudahan komputer di sekolah-sekolah kajian yang telah mengadakan kelas pengajian komputer masih belum mencukupi dan menyebabkan pelajar-pelajar terpaksa berkongsi dan menunggu giliran masing-masing untuk menggunakan komputer di kelab komputer. Kenyataan ini telah diuraikan oleh penulis dengan lebih mendalam di dalam bab yang IV.

Manakala dari aspek penyediaan guru mahir atau terlatih untuk mengajar pengajian komputer kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kajian adalah pada tahap yang amat baik. Namun begitu perkembangan ini sepatutnya hendaklah diambilkira oleh pihak sekolah dengan memperseimbangkan jumlah komputer yang ada agar tenaga-tenaga mahir tersebut dapat dimanfaatkan semaksima mungkin.

Dari aspek pengetahuan pelajar terhadap penggunaan komputer penulis membuat andaian menerusi data yang telah diperolehi bahawa pengetahuan mereka tentang penggunaan komputer masih di tahap yang tidak begitu memuaskan dan perlu dipertingkatkan usaha-usaha yang memberangsangkan untuk memberikan pengetahuan tentang komputer kepada para pelajar keseluruhannya.

Daripada hasilan yang telah diperolehi oleh penulis sebelum ini, mendapati bahawa rangsangan pelajar terhadap kepentingan menggunakan komputer dan menjadikan komputer sebagai alat bantu dalam pembelajaran mereka masih pada tahap yang minima. Keseluruhan faktor wujudnya keadaan ini boleh disimpulkan adalah bermula daripada sikap negatif yang mendominasikan diri dan minda para pelajar terhadap kepentingan menggunakan komputer. Sikap yang demikian seterusnya mungkin memberikan implikasi yang agak membimbangkan kepada pelajar-pelajar di Negeri Kelantan terhadap penguasaan mereka dalam dunia komputer.

Kebanyakkan perisian komputer yang diajarkan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di Negeri Kelantan adalah pengajian pengenalan kepada komputer seperti paket WordStar dan Windows. Pengajian komputer ini adalah di peringkat pengenalan sahaja sehingga pelajar-pelajar menamat pengajian di sekolah. Keadaan yang sedemikian mungkin boleh menyebabkan perkembangan pelajar tersebut di dalam pengajian komputer tidak mencapai tahap yang optima yang sepatutnya disempurnakan oleh mereka yang belajar komputer dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Manakala pelajaran Internet yang diajarkan kepada pelajar-pelajar di Negeri Kelantan pula hanya terdapat di sekolah tertentu sahaja seperti yang telah dijelaskan oleh penulis di dalam bab yang lalu. Oleh yang demikian keadaan ini sedikit sebanyak boleh memberikan impak yang negatif kepada sesetengah pelajar di sekolah-sekolah di Negeri Kelantan kerana mereka agak ketinggalan dalam mempelajari komputer.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan kepada keseluruhan pengkajian penulis, terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki oleh penulis-penulis seterusnya yang berkenaan dengan usaha menjayakan program pengajian komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Negeri Kelantan. Beberapa cadangan diberikan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam usaha ini.

i. Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN)

Menyedari hakikat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN) memainkan peranan yang penting dan secara langsung dalam mengendalikan sekolah-sekolah di Negeri Kelantan maka perlu mengambil inisiatif yang lebih agresif ke arah memperhebatkan lagi penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Negeri Kelantan.

Ini boleh dijayakan dengan usaha-usaha seperti membekalkan komputer secara percuma atau subsidi kepada sekolah-sekolah menengah di Negeri Kelantan yang belum mewujudkan kelab komputer di samping mempergiatkan kempen kepentingan penggunaan komputer kepada para pelajar.

Dalam hal ini sektor swasta atau mana-mana ahli korporat juga boleh memainkan peranan yang sama penting untuk membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) walaupun kegawatan ekonomi sedang melanda negara ketika ini. Mereka boleh bergabung tenaga dengan mewujudkan kumpulan penyumbang yang mana setiap daripada mereka hanya perlu menyumbangkan sejumlah yang kecil sahaja dan tidak perlu membelanjakan jumlah wang yang besar. Sekiranya ini dapat direalisasikan maka sudah pasti sejumlah dana yang besar dapat dikumpulkan dan dimanfaatkan kepada para pelajar ke arah memajukan diri dalam dunia komputer.

ii. Cadangan Kepada Sekolah

Dalam menggalakkan pelajar ke arah penggunaan komputer, pihak sekolah juga seharusnya turut memainkan peranan sama penting dalam memupuk minat para pelajar terhadap kepentingan komputer dalam pembelajaran mereka. Guru-guru adalah pihak yang bertanggungjawab penuh selepas kedua ibu bapa dalam memberikan galakan dan mendidik para pelajar ke arah hidup yang lebih cemerlang.

Dalam perkara ini mana-mana pihak sekolah yang belum menubuhkan kelas pengajian komputer pada peringkat permulaannya hendaklah mengambil inisiatif sendiri dengan mewujudkan kelas pengajian komputer kepada pelajar sama ada dengan bantuan Jabatan Pendidikan Negeri, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah atau orang perseorangan. Manakala bagi sekolah-sekolah menengah di Negeri Kelantan yang telah

lama mengada kelab komputer hendaklah mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kelab komputer bagi menarik para pelajar ke arah menyertai dan menggunakan komputer di samping itu mengenakan yuran yang berpatutan kepada para pelajar.

Untuk mengadakan kelas pengajian komputer pihak sekolah menengah di Negeri Kelantan hendaklah sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi komputer dalam pendidikan dan menjadikan sampel kepada sekolah-sekolah lain yang telah lama dan berjaya dalam mengadakan dan melaksanakan program pengajian komputer atau kelab komputer di sekolah.

Guru-guru yang diwajibkan mengajar mata pelajaran komputer di sekolah juga perlu diambilkira di mana pihak pentadbir sekolah seharusnya mempergiatkan lagi penghantaran guru-guru ke seminar atau kursus pengajian komputer. Ini adalah penting kerana guru-guru terlatih dalam bidang komputer ialah sebagai peneraju yang teguh dalam menjamin kejayaan sesebuah kelab komputer di samping menyampaikan maklumat yang berkesan kepada para pelajar.

Bagi menjamin keberkesanan perjalanan kelab komputer pula, pihak guru hendaklah mengenalpasti pelajar-pelajar yang cekap dan mahir dalam menggunakan komputer dan memanfaatkan kemahiran mereka kepada pelajar-pelajar lain sama ada menerusi bantuan mengajar ataupun sekurang-kurangnya menjadikan pelajar tersebut sebagai contoh teladan kepada pelajar-pelajar lain.

iii. Cadangan Kepada Ibu bapa

Ibu bapa adalah merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak. Oleh yang demikian peranan mereka amatlah besar dalam mendidik dan mencorak serta memberikan galakan kepada anak-anak ke arah melengkapkan diri mereka bagi menempuh masa mendatang. Bagi ibu bapa yang berkemampuan sayugialah memperuntukkan sebahagian daripada perbelanjaan mereka untuk membeli komputer atau pun seharusnya menyedari kepentingan komputer kepada pelajar dan seterusnya menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas pengajian komputer supaya anak-anak mereka dapat memahirkan diri dengan lebih cepat dalam menggunakan komputer.

Manakala ibu bapa yang kurang berkemampuan pula seharus mengambil jalan dengan menabung dan berdikit-dikit mengumpul wang untuk membelikan komputer di rumah dan menyediakan wang untuk membayar yuran kelas pengajian komputer anak-anak mereka. Mereka tidak seharusnya menjadikan kemiskinan sebagai sebab yang boleh meminggirkan anak mereka daripada mempelajari dan memahirkan diri dalam penggunaan komputer.

iv. Cadangan Kepada Pelajar

Para pelajar adalah merupakan sasaran utama dalam menjayakan program pengajian komputer di sekolah. Namun begitu usaha-usaha daripada pelbagai pihak tidak akan berhasil sekiranya golongan sasaran ini tidak memberikan kerjasama dan komitmen yang

sepenuhnya. Oleh itu para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Kelantan hendaklah mengambil sikap yang peka terhadap kepentingan teknologi komputer dan menggunakan sepenuhnya dalam pengajian mereka.

Para pelajar semestinya berani mencuba dan menerokai dunia komputer dan menjadikan mata pelajaran komputer sebagai asas pengajian sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini dapat dilaksanakan sekiranya pelajar-pelajar terlebih dahulu mempelajari pengajian komputer sama ada melalui kelab komputer sekolah atau mengikuti kelas komputer secara persendirian.

v. Cadangan Kepada Pengkaji Seterus

Memandangkan kepada kelemahan dan kekurangan yang ada pada penulis dalam menjalankan kajian ini maka pihak penulis mencadangkan agar pengkaji seterusnya yang berminat dalam membuat penyelidikan dalam bidang yang sama menambahkan lagi sampel dan jumlah responden supaya boleh memberi satu kesimpulan yang lebih tepat.

Di samping itu juga, pengkaji hendaklah berada lebih lama di sekolah-sekolah kajian bagi meninjau bagaimana perjalanan kelas komputer yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan sebagainya.